

30 Jun 2009

Metadon bantu bekas penagih



KUALA PILAH – Hari Tanpa Tembakau Peringkat Kuala Pilah berobjektifkan memberi kesedaran kepada masyarakat awam mengenai kesan kesihatan tembakau dan bahaya rokok yang boleh menjerumuskan diri dalam kancah dadah .

Majlis yang diadakan di Hospital Tuanku Ampuan Najihah (HTAN) Kuala Pilah anjuran Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental yang dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pilah Adnan Abu Hasan; Pengarah HTAN, Dr Mohd Shah Datuk Idris; Pakar Psikiatri Dr MN Raja Selvi; Deputy Superintenden (DSP) Rahmat Latif dan Pegawai Belia dan Sukan daerah Kuala Pilah Kishnaria Nordin.

Seorang peserta metadon, Saiful Azli Majid, 34, berkata, pengalamannya menjadi peserta merupakan tindakan yang bijak kerana mampu mengubah kehidupan menjadi lebih berguna kepada bangsa dan negara.

Menurutnya, bermula pada umur 17 tahun sekadar menghisap rokok sahaja dan lama-kelamaan terjebak pula dengan dadah hanya kerana pengaruh seorang rakan.

“Sejak itu, pada 1996 hingga 2005 saya menjadi penagih dadah tegar.

“Pernah terfikir untuk berubah tetapi tidak berkesempatan namun akhirnya terbuka hati apabila seorang rakan memberitahu tentang metadon ini,” katanya.

Saiful berkata, pengalaman lalu banyak mengajar erti kehidupan dan akhirnya dia menjadi insan yang berguna untuk diri sendiri dan masyarakat.

“Selama menjadi peserta metadon, saya mengambil masa lebih kurang dua bulan untuk menahan diri tidak terlibat dalam najis dadah lagi.

“Sememangnya bulan pertama adalah masa yang sukar tetapi saya tetap kuatkan hati untuk melepaskan diri daripada belenggu dadah,” katanya.

Menurutnya, selepas dua bulan, boleh dikatakan kini, dirinya hampir 99 peratus bersih daripada najis dadah walaupun pernah rakan-rakan datang memberi dadah secara percuma namun keinginan serta nafsu itu tidak akan berulang lagi.

“Dulu, apabila bangun sahaja daripada tidur, perkara pertama difikirkan hanya dadah dan duit tetapi kini sudah berubah kerana saya lebih cenderung kepada kerja-kerja sosial dan bergaul dengan masyarakat sekeliling.

"Saya bersyukur kerana masih ada yang prihatin walaupun mereka tahu saya ini seorang bekas penagih dadah dan masyarakat menerimanya dengan baik," katanya.

Dia berkata, walaupun masih bergantung kepada metadon tetapi tetap berusaha untuk bersih seratus peratus daripada dadah kerana apabila menyentuhnya pasti sukar untuk kembali kepada asal.

"Metadon ini memang membantu saya untuk mengikis diri daripada najis dadah dan penagih dadah perlu mengambil peluang yang diberikan kerajaan dalam membantu membanteras pencegahan dadah.

"Insya-Allah, dalam masa dua tahun saya tidak perlu bergantung lagi kepada metadon dan menjadi orang yang berguna kepada diri, masyarakat dan negara," katanya.

Seorang lagi peserta metadon, Norsham Mohd Nor, 38, yang mendapat pendedahan awal selepas mengikuti orientasi di Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Kuala Pilah turut bersetuju dengan pendapat Saiful.